



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 37/2018 dari 9 September hingga 15 September 2018)

Pada minggu ke-37 iaitu bagi tempoh 9 September hingga 15 September 2018, sejumlah 1,263 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu pengurangan sebanyak 22.4% berbanding 1,627 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 15 September 2018 sejumlah 52,600 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 84 kematian.

Sejumlah 475 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-37. Manakala sebanyak 78 lokaliti hotspot melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu 61 hotspot di Selangor, enam (6) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, enam (6) di Pulau Pinang, dua (2) di Perak dan masing-masing satu (1) di Negeri Sembilan, Johor dan Sabah telah dilaporkan.

Terdapat tiga (3) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-37. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 15 September 2018 adalah sebanyak 76 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 28 kes di Daerah Tumpat, lapan (8) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, Kota Setar dan Petaling.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 2,304 sampel darah dan 12 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Marilah kita pastikan persekitaran kediaman dan tempat kerja bebas dari tempat pembiakan nyamuk dengan sentiasa memeriksa tempat pembiakan berpotensi. Disamping itu, awasilah aktiviti anda dan keluarga terutama pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu pada awal pagi dan senja dengan mengenakan pakaian yang menutup bahagian tubuh terbuka dan memakai repelan untuk mengelakkan gigitan nyamuk. Bagi mereka yang mula menunjukkan gejala Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, sakit badan, ruam atau muntah sila dapatkan rawatan awal dengan segera. Kesedaran akan bahaya Denggi, pengesanan awal dan rawatan segera dapat menyelamatkan nyawa. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**21 September 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2018  
(9 September hingga 15 September 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 36/2018		Jumah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 36/2017	
		Week 37 (9 <sup>th</sup> September – 15 <sup>th</sup> September 2018)		Week 36 (2 <sup>nd</sup> September – 8 <sup>th</sup> September 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	5	0	184	0	156	0
2	Kedah	24	0	21	0	1,404	5	1,205	4
3	P. Pinang	101	0	144	0	3,561	5	1,838	13
4	Perak	43	0	33	0	2,063	5	4,757	10
5	Selangor	632	2	874	1	29,872	24	37,280	57
6	WP KL- Putrajaya	161	0	202	1	5,100	7	6,961	19
7	N. Sembilan	34	0	41	1	1,061	2	2,675	11
8	Melaka	9	0	20	0	432	0	1,097	1
9	Johor	93	1	92	0	4,042	13	6,081	22
10	Pahang	14	0	20	0	655	2	1,324	3
11	Terengganu	11	0	20	0	286	2	235	1
12	Kelantan	56	0	71	0	1,124	2	2,206	2
13	Sarawak	18	0	12	0	413	1	751	4
14	Sabah	62	0	71	1	2,315	16	1,575	6
15	WP Labuan	1	0	1	0	88	0	63	0
	<b>MALAYSIA</b>	1,263	3	1,627	4	52,600	84	68,204	153

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 37/2018  
(9 September hingga 15 September 2018)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	66	179
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	128	176
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	57	153
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	43	127
5	SELANGOR	Klang	B.B.T (Jln Batu Nilam 1)	32	102
6	SELANGOR	Klang	T.S (Lrg Laksamana 20)	39	94
7	SELANGOR	Hulu Langat	Blok A-G Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	22	90
8	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	19	80
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	37	79
10	SELANGOR	Klang	T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )	54	78
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah 2	20	76
12	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semenyih Parklands	92	71
13	WPKL	Titiwangsa	Pangsapuri Atm	16	69
14	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	9	68
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	89	66
16	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	16	65
17	SELANGOR	Klang	Appartment Golden Villa	21	65
18	SELANGOR	Klang	Taman Bukit Jati (Jalan Bukit Jati 1-3)	27	64
19	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Ria	20	64
20	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	39	62

21	SELANGOR	Hulu Langat	Regina Court Bandar Baru Ampang	10	60
22	P PINANG	Timur Laut	Jalan Tengku	16	56
23	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/5 - 4/10)	17	54
24	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres A : Jln 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19	21	53
25	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	8	52
26	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Tr 1 - Tr 9	13	51
27	PERAK	Larut Matang & Selama	Taman Bersatu	17	51
28	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	33	50
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	14	50
30	P PINANG	Barat Daya	Taman Mewah Fasa 2	12	50
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat B : Blok 10 - 21 )	14	49
32	P PINANG	Timur Laut	Pintasan Makloom	13	49
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai )	14	47
34	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	17	47
35	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 17- Blok Abcd Parcel 17rk1	9	45
36	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	22	45
37	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pandan Lake View Pandan Perdana	18	45
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Flat)	7	44
39	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10b) Blok Ar - Av	17	44
40	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	11	43
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	10	43
42	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	7	42
43	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	9	41
44	SELANGOR	Klang	Apt. Perepat Permai Kapar	14	41
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Teres B : Jln 28/11 - 28/20 )	7	41
46	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Aman Permai	14	40

47	SELANGOR	Gombak	Kuarters Hosp Sg Buloh	14	40
48	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	6	40
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	21	39
50	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 ( Kbsb : Jln Welfare )	10	39
51	SELANGOR	Petaling	Pjs 11/26 (Sun-U Apmt - Blok A, B, C ,D)	6	38
52	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 9	8	38
53	WPKL	Cheras	Arena Shamelin Apartment	9	37
54	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Permai	7	37
55	SABAH	Tawau	Jk03 Tmn. Semarak Flat & Lrg Sawit	8	37
56	P PINANG	Barat Daya	Mutiara Perdana	33	37
57	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Kemajuan	6	37
58	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	10	36
59	SELANGOR	Klang	Tmn Kg Kuantan ( Lebuh Biru )	20	36
60	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	13	35
61	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	10	35
62	SELANGOR	Petaling	Seksyen 23 ( Teres A : Jln 23/6 - 23/12 )	9	34
63	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	15	33
64	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Bu 2 ( Teres A : Jln 2/1 - 2/9 )	5	33
65	SELANGOR	Klang	Tmn Sg Sireh (Jln Sireh 7)	18	33
66	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	9	33
67	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A-F)	9	33
68	N SEMBILAN	Seremban	Appt Kolej Lagenda	7	32
69	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan - Blok 1-4)	12	32
70	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	7	32
71	SELANGOR	Gombak	Tmn Belmas Johan	7	32
72	SELANGOR	Petaling	Ss 15/4 (Rumah Kedai, First Subang & Kolej Inti)	4	32
73	WPKL	Cheras	Taman Shamelin (Bustan Shamelin Appt)	6	31

74	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra Sek 1 (Pangsapuri Cemara)	6	31
75	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kwarters Ipk Selangor&Kwarters Jkr )	7	31
76	SELANGOR	Gombak	Kg Nakhoda Kiri Zon A	8	31
77	P PINANG	Timur Laut	Midland Condominium	4	31
78	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Perda, Apt Permata Blok F	8	31

